

# MAJLIS PENUTUP KURSUS ATCI SIRI 7/19 DAN AATCO-APP SURV SIRI 8/19

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5752-majlis-penutup-kursus-atci-siri-7-19-dan-aatco-app-surv-siri-8-19](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5752-majlis-penutup-kursus-atci-siri-7-19-dan-aatco-app-surv-siri-8-19)

KUANTAN, 24 Dis 19 – Komandan INSPRA, Kol Ben Khedda Adnan bin Mohd Yusoff TUDM telah menyempurnakan Majlis Penutup Kursus bagi *Air Traffic Control Instructor* (ATCI) Siri 7/19 dan *Advanced Air Traffic Control Officer* (AATCO-APP SURV) Siri 8/19 bertempat di Kelas GUNBO, Sekolah Kawalan Trafik Udara, INSPRA.

Majlis turut dihadiri oleh Ketua-ketua Sekolah dan Bahagian serta Jurulatih Sekolah Kawalan Trafik Udara.

Peserta Kursus Terbaik Keseluruhan bagi Kursus ATCI disandang oleh Kapt Muhammad Zulhafiz bin Zulkarnain TUDM. Sementara bagi kursus AATCO-APP SURV Peserta Kursus Terbaik Keseluruhan disandang oleh Kapt Nazirul Afifi bin Mohd Amin TUDM.

Pihak INSPRA merakamkan ucapan tahniah dan syabas bagi peserta kursus yang berjaya menamatkan kursus. Semoga ilmu yang dipelajari bermanfaat di unit kelak.

